

**MASALAH DAN PENDEKATAN MENANGANI DISIPLIN PELATIH
DI PUSAT GIAT MARA, NEGERI JOHOR**

NOR AISHAH BINTI ABDUL AZIZ

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MASALAH DAN PENDEKATAN MENANGANI DISIPLIN PELATIH
DI PUSAT GIAT MARA, NEGERI JOHOR

NOR AISHAH BINTI ABDUL AZIZ

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Pendidikan Teknik dan Vokasional)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2017

Khas buat suami tercinta, Ismail bin Saliyan
Setulus kasih buat Mak (Kamariah) dan Abah (Abdul Aziz)
yang mendoakan
Anakanda kesayangan, Wafiq Azim

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran hanya layak dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kerana telah mengizinkan bingkisan kerdil ini disempurnakan.

Sesungguhnya saya dengan rendah hati ingin melafazkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya yang berdedikasi, Dr Mohd Zolkifli bin Abd Hamid kerana sudi serta tidak jemu membimbing, memberi tunjuk ajar, panduan dan sentiasa bersabar dengan kelemahan saya sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Semoga usaha serta keikhlasan beliau akan mendapat ganjaran di akhirat kelak dan akan saya kenang sepanjang hidup saya. Penghargaan juga saya tujukan kepada semua partisipan kajian ini serta pihak Pusat Giat MARA dan IKM Johor Bahru.

Penghargaan juga saya tujukan kepada sahabat seperjuangan yang saya kasihi, Dr. Salbiah, Dr. Mariani, Dr. Khairiyah, Dr Mazlina, Masleeyati, Mohaini, Zainab, Wan Noraini, Faridah, Yasmin, Dr Seha, Rosadah yang sentiasa memberikan sokongan moral. Terima kasih yang tidak terhingga kepada saudari Hazlini, Tengku Ika, Fazirah, Wafiq Azim serta Ameen Misran yang membantu daripada segi teknikal. Seterusnya ucapan terima kasih tidak terhingga juga saya tujukan kepada rakan pensyarah Seni bina, KYPJ, Suzi, Yana, Nazihah, Marlina, Aslinaa yang tidak jemu memberi semangat kepada saya hingga ke saat akhir. Akhir sekali ucapan terima kasih khas kepada Puan Shuhaida, Puan Rahmah, Puan Zurina, Puan Haslinda Abu Bakar, Puan Haslinda Hashim dan Puan Norle dari KYPJ yang memahami diri saya di penghujung pelaksanaan kajian ini.

Semoga penulisan ini dapat dimanfaatkan bersama dalam mendidik generasi pelapis negara menjadi generasi Rabbani. Wasallam. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Fungsi penting Institusi-institusi Latihan Kemahiran di Malaysia selain melatih belia mendapatkan kemahiran yang diperlukan adalah mendidik pelatih dari aspek pembangunan jasmani, emosi, roh dan intelegnya seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh institusi ini adalah mencari penyelesaian untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan pelatih. Oleh itu tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah disiplin di Institusi Latihan Kemahiran iaitu Pusat Giat MARA, negeri Johor serta kaedah yang dilaksanakan oleh para pengajarnya untuk menangani masalah tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes berganda. Sampel kajian dipilih melalui teknik persampelan bertujuan dan terdiri daripada pengajar yang telah berkhidmat selama 10 tahun ke atas. Data diperolehi daripada temubual secara mendalam, pemerhatian secara langsung terhadap kelas pengajaran teori dan amali serta semakan dokumen salah laku pelatih. Ketepuan data dicapai pada peserta ke lapan dalam kalangan pengajar yang dipilih daripada sembilan buah Pusat Giat MARA, negeri Johor. Data dianalisis secara induktif dengan menggunakan analisis tematik melalui pengkodan terbuka, berpaksi dan terpilih. Kajian menunjukkan bahawa pelbagai masalah disiplin telah dikenal pasti iaitu ponteng kelas, merokok, penyalahgunaan dadah, bergaduh, degil dan engkar arahan. Dapatan Di samping itu data menunjukkan bahawa para pengajar mengaplikasikan pelbagai kaedah seperti bertimbang rasa, memberi nasihat dan motivasi melalui penerapan nilai murni dan keagamaan serta kaedah dendaan jika diperlukan untuk menangani masalah tersebut. Analisis lanjutan daripada dapatan telah memperoleh tema-tema yang diguna untuk menghasilkan beberapa pendekatan berasaskan kepada kaedah keagamaan, humanistik dan dendaan. Peranan agama dalam membentuk peribadi serta sahsiah yang baik dilihat sebagai sumber penting dengan memberi penekanan kepada program-program yang mendidik jiwa agar patuh patuh kepada Tuhan serta suka melakukan kebaikan. Sementara itu pendekatan humanistik pula lebih menekankan penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan para pelatih seperti yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, sementara pendekatan dendaan adalah sebagai proses didikan yang lebih bertanggungjawab ke atas semua kesalahan yang dilakukan. Pendekatan ini boleh digunakan untuk membantu pengajar menangani masalah disiplin dalam kalangan pelatih di Pusat Giat MARA, negeri Johor mengikut kesesuaian jenis masalah disiplin.

ABSTRACT

An important function of Skill Training Institutions in Malaysia besides coaching the youth in obtaining the desired necessary skills, is to educate trainees from the aspects of physical, emotions, spiritual and intellectual development, as embedded in the National Education Philosophy (FPK). One of the primary challenges faced by these institutions is finding a cure for disciplinary problems among trainees. Therefore, the objective of this research is to identify disciplinary problems in Skill Training Institutions, specifically Pusat Giat MARA in the state of Johore and methods implemented by the trainers to address the problems. The research used a qualitative approach based on multiple case studies design. The sample for the study was selected based on purposive sampling technique and comprised of trainers who have served 10 years or more. Data were gathered via episodes of in-depth interviews, direct observation during theoretical and practical teaching sessions of trainers, and document review of trainees' wrong behaviours. Saturation of data was achieved at the eighth participant among the selected trainers of the nine Pusat Giat MARA. Data were analyzed inductively by applying a thematic analysis through open, axial and selective coding. Findings showed that the various disciplinary problems discovered were truancy, smoking, drug abuse, stealing, fighting, defiance and insubordination. Besides, the data showed that trainers implemented various methods such as being considerate, giving advice and motivation through value attributes and religious aspects, and punishment method where necessary to address these problems. Further analysis of the findings produced themes that were used to develop several approaches based on religion, humanity and punishment method. The role of religion in moulding the characters and personalities is seen as an important resource with emphasis on programmes that educate the soul to be obedient to God and love to perform good deeds. Meanwhile, humanistic approach emphasizes the inculcation of moral values in the life of the trainees as per contained in the National Education Philosophy, while the punishment approach is meant as an educational process to be more responsible for all offenses committed. The approaches can be used to aid trainers in overcoming the disciplinary problems among trainees of Pusat Giat MARA, Johore in accordance with the nature of the problems.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
1	PERMASALAHAN KAJIAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.2.1 Kajian Rintis	4
	1.3 Penyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Rasional Kajian	11
	1.7 Signifikan Kajian	12
	1.8 Kerangka Konsep Kajian	13
	1.9 Skop Kajian	16
	1.10 Batasan Kajian	16
	1.11 Definisi Operasional	16

1.11.1	Pendekatan	17
1.11.2	Masalah disiplin	17
1.11.3	Pusat Giat MARA	18
1.11.4	Pengajar Kursus Kemahiran	18
1.11.5	Pelatih Kursus Kemahiran	18
1.11.6	Bengkel Elektrik	19
1.11.7	Kelas Teori	19
1.11.8	Kelas Amali	19
1.11.9	Nilai Murni	20
1.12	Rumusan	20
2	KAJIAN LITERATUR	21
2.1	Isu Alam Pendidikan Teknik Vokasional	21
2.2	Permasalahan Dalam PTV	23
2.3	Persepsi Masyarakat Terhadap PTV	23
2.4	Peranan Pusat Giat MARA Dalam Pendidikan Negara	24
2.5	Pendekatan Latihan di Pusat Giat MARA	26
2.6	Cabaran di Pusat-pusat Giat MARA	27
2.7	Permasalahan Remaja Masa Kini	28
2.8	Masalah Disiplin Remaja	30
2.9	Permasalahan Disiplin di Pusat Giat MARA	37
2.10	Teori Penyimpangan Remaja (<i>Youth Delinquency Theory</i>)	39
2.10.1	Jenis-jenis Penyimpangan Remaja	39
2.10.2	Punca-punca Penyimpangan	40
2.11	Jenis Teori Penyimpangan Remaja	43
2.11.1	Teori Dwi Taksonomi Moffitt	43
2.11.2	Teori Anomie (Teori Peluang)	44
2.11.3	Teori Perbezaan Kesatuan Sutherland (<i>Theory of Differential Association</i>)	46
2.11.4	Teori Psikogenesis Freud	49
2.11.5	Teori Kawalan Sosial	50
2.12	Pendekatan Kaunseling Dalam Menangani	

Masalah Disiplin	52
2.12.1 Langkah-langkah Melaksanakan Sesi Kaunseling	55
2.12.2 Peranan Pengajar Dalam Mempraktikkan Teknik-teknik kaunseling	60
2.13 Pengertian Nilai Murni Dalam Pendidikan	60
2.14 Kepentingan nilai murni dalam pendidikan kemahiran	66
2.15 Nilai Dalam Pendidikan Bersepadu	70
2.16 Nilai Dalam Pendidikan Islam	72
2.16.1 Pengajar Sebagai Agen Pengamal Nilai Keagamaan	74
2.17 Cabaran pendidik dalam melaksanakan proses penerapan nilai	78
2.17.1 Peranan Pengajar Kemahiran	78
2.17.2 Konsep Pengajaran Berkesan Dalam Institusi Latihan Kemahiran	81
2.17.3 Konsep Pendidikan Bersepadu Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	85
2.18 Aspek kualiti pengajaran di Institusi-institusi Latihan Kemahiran	87
2.19 Model Penerapan Nilai Murni Dalam Pendidikan dan Kehidupan	89
2.20 Model Holistik Integrasi Pendidikan	92
2.20.1 Model Nukleitik dan Taksonomi TRNOC	94
2.20.2 Model Edaran Semula-Konsep Pendidikan Bersepadu	96
2.20.3 Model Konsep Sinergi	98
2.21 Peranan Pengajar Dalam Pendidikan Kemahiran	100
2.22 Penekanan aspek nilai dan akhlak dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P)	102
2.23 Rumusan	104
3 METODOLOGI KAJIAN	105

3.1	Pengenalan	105
3.2	Metodologi Kajian	105
3.2.1	Kajian Kualitatif	106
3.2.2	Rekabentuk kajian	106
3.2.3	Reka bentuk Kajian Kes Berganda	107
3.2.4	Kajian Rintis	108
3.3	Populasi dan Persampelan	109
3.3.1	Lokasi Kajian	109
3.3.2	Populasi	110
3.3.3	Sampel	111
3.3.4	Persampelan bertujuan	112
3.3.5	Prosedur Persampelan	113
3.4	Kesahan (Validity) dan Kebolehpercayaan (Reliability), Triangulasi	114
3.4.1	Kesahan (<i>Validity</i>)	115
3.4.2	Kebolehpercayaan (Reliability)	121
3.4.3	Triangulasi	122
3.4.4	Nota Lapangan dan Rujukan Diari (Jurnal)	124
3.4.5	Proses Membuat nota semasa kajian lapangan	125
3.5	Kaedah Pengumpulan data	125
3.5.1	Pengumpulan data melalui pemerhatian	125
3.5.2	Pengumpulan data melalui temubual mendalam	127
3.5.3	Protokol Temubual	130
3.5.4	Samakan Dokumen	131
3.5.5	Membina <i>rapport</i> (hubungan baik) dengan partisipan	131
3.6	Etika Penyelidik	132
3.7	Analisis Data	134
3.7.1	Proses Analisis Data	134
3.7.2	Proses Mengenalpasti Makna Data	135
3.7.3	Analisis Tematik (Thematic Analysis)	139

3.7.4	Pengkodan dalam Analisis Tematik	140
3.7.5	Proses Pengkodan Data	141
3.7.6	Ringkasan proses pengkodan	142
3.8	Ringkasan Proses Analisis	143
3.9	Penghasilan Pendekatan Menangani Masalah Displin	145
3.10	Rumusan	145
4	DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN	146
4.1	Pengenalan	146
4.2	Ringkasan Kaedah Analisis Data	147
4.3	Latar Belakang Partisipan	148
4.4	Dapatan kajian	154
4.4.1	Temu bual mendalam	154
4.4.2	Pemerhatian secara langsung	155
4.4.3	Semakan dokumen	155
4.5	Ringkasan Analisis Kajian Yang Membentuk Tema	189
4.6	Analisa kajian	194
4.6.1	Analisis transkrip temubual	194
4.6.2	Analisis Pemerhatian Secara langsung dalam kelas teori	215
4.6.3	Analisis Pemerhatian Secara Langsung Dalam Kelas Amali	222
4.6.4	Semakan Dokumen	229
4.7	Rumusan	231
5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	232
5.1	Pengenalan	232
5.2	Sorotan masalah disiplin di Pusat Giat MARA, Johor	233
5.2.1	Jenis-jenis masalah disiplin	233
5.2.2	Faktor penyumbang kepada masalah disiplin	235
5.2.3	Impak masalah disiplin ke atas diri pelatih	240

5.2.4	Masalah yang dihadapi oleh pengajar kursus Sijil Kemahiran dalam menangani masalah disiplin pelatih	243
5.3	Pendekatan menangani masalah disiplin sedia ada di Pusat Giat MARA	245
5.4	Pendekatan menangani masalah disiplin di Pusat Giat MARA	245
5.4.1	Pendekatan Keagamaan	249
5.4.2	Pendekatan Humanistik	253
5.4.3	Pendekatan Dendaan	257
5.5	Pemetaan Antara Pendekatan-pendekatan Dalam Pendekatan Holistik Menangani Disiplin Pelatih Pusat Giat MARA	258
5.5.1	Gabungan Pendekatan Humanistik dan Keagamaan	259
5.5.2	Gabungan Pendekatan Humanistik dan Dendaan	262
5.5.3	Gabungan Pendekatan Keagamaan dan Dendaan	263
5.6	Kesimpulan dan Cadangan	265
5.6.1	Peranan Pengajar sebagai agen perubahan melalui kepelbagaian peranan	265
5.6.2	Cadangan Kajian Lanjutan	267
5.7	Rumusan	268
RUJUKAN		269
Lampiran	A-C	291-295

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.2	Kajian Rintis:Sebahagian sesi temu bual penyelidik dengan pengajar Pusat Giat MARA Johor	4
4.1	Senarai responden di Pusat Giat MARA, di Zon Selatan Johor	147
4.2	Ringkasan proses analisis data berasaskan persoalan kajian	148
4.3	Rekod temu bual dan pemerhatian terhadap responden kajian	156
4.4	Analisis Masalah Disiplin Pelatih Pusat Giat MARA, Johor	160
4.5	Ringkasan Analisis Kajian: Sub-kategori, Kategori, Tema	189
5.2	Rekod Masalah Disiplin di Giat MARA A	242
5.5	Pemetaan antara masalah disiplin dan cadangan menanganinya	264

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.8	Kerangka Konsep Kajian	15
2.17a	Keseimbangan dalam usaha melahirkan pendidik berkesan (Tajul Arifin dan No'aini., 2002)	85
2.17b	Pembangunan insan secara bersepadu mengikut Falsafah Pendidikan Negara (FPN) (UKM, 2005)	91
2.20a	Model Holistik Integrasi Pendidikan (W. Huitt ,2005)	93
2.20b	Model Nukleitik berteraskan (a) iman dan (b) hati untuk masyarakat umum (Tunku Sarah, 1997)	94
2.20c	Model Edaran Semula – Konsep Pendidikan Bersepadu (Tajul Arifin, 1988)	96
2.20d	Model Sinergi Pendidikan Bersepadu (UKM, 2005)	98
3.3	Prosedur menentukan kaedah pemilihan sampel	114
3.4	Teknik “ <i>triangulation</i> ” yang akan dilaksanakan dalam kajian	123
3.5	Ringkasan Proses Analisis Data (Strauss & Corbin, 1990)	135

3.8a	Carta alir model "kod ke teori" secara am untuk analisa data kualitatif (Strauss dan Corbin, 1990)	143
3.8b	Carta alir model "kod ke teori" secara am untuk analisa data kualitatif (Saldana, 2009)	144
4.4a	Masalah disiplin yang biasa wujud di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor	159
4.4b	Faktor yang menyumbang ke arah masalah disiplin pelatih	170
4.4c	Impak masalah disiplin terhadap diri pelatih	176
4.4d	Masalah yang dihadapi oleh pengajar dalam menangani masalah disiplin di Giat MARA, Zon Selatan, Johor	178
4.4e	Kaedah menangani masalah disiplin pelatih oleh pengajar Giat MARA, Zon Selatan, Johor	181
4.4f	Pendekatan yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar menangani masalah disiplin di Pusat Giat MARA, Johor	188
5.3a	Pendekatan holistik yang menekankan aspek humanistik, keagamaan dan dendaan dalam menangani masalah disiplin di Pusat Giat MARA, negeri Johor	247
5.3b	Pemetaan pendekatan humanistik, keagamaan dan dendaan dalam menangani masalah disiplin di Pusat Giat MARA, negeri Johor	259

SENARAI SINGKATAN

P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PS	-	Partisipan
PK	-	Penyelidik
TB	-	Temu bual
PSL(T)	-	Pemerhatian secara langsung (Teori)
PSL(A)	-	Pemerhatian secara langsung (Amali)
SD	-	Semakan dokumen
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
ILP	-	Institut latihan Perindustrian
IKBN	-	Institut Kemahiran Belia Negara
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
PKJ	-	Persoalan Kajian

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Instrumen Kajian- Inventori	
	Soalan Separa Berstruktur	291
B	Borang Temu bual	293
C	Borang Catatan Pemerhatian Secara Langsung	294

BAB 1

PERMASALAHAN KAJIAN

1.1 Pengenalan

Nor Fasiah (2013) menyatakan sistem pendidikan kemahiran atau lebih dikenali dengan Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) yang unggul adalah sistem yang mampu melahirkan tenaga kerja yang inovatif, produktif, kreatif serta bersahsiah terpuji. Ciri-ciri tersebut adalah antara elemen teras yang perlu diterapkan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran PTV serta selaras dengan Wawasan 2020 untuk mewujudkan insan yang berperibadi mulia di samping berkemahiran tinggi dalam apa jua bidang yang diceburi. Namun PTV juga tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai masalah pelatih terutamanya dalam berhadapan dengan masalah disiplin di pusat-pusat latihan kemahiran khususnya.

Sehubungan dengan itu, antara cabaran penting dalam PTV adalah untuk membentuk akhlak serta peribadi mulia pelatih. Hanin Falina dan Siti Nor Lailiyah (2014) menegaskan, masalah disiplin berlaku di semua peringkat institusi pendidikan sama ada dalam kalangan pelajar sekolah rendah, menengah mahu pun di peringkat pengajian tinggi. Menurut penulis, sejak kebelakangan ini pelbagai cerita tentang isu yang berkaitan tentang masalah disiplin di institusi-institusi pendidikan telah ditimbulkan seperti pelajar merokok, kurang ajar, lewat masuk ke kelas, ponteng dan

sebagainya. Sikap para pelajar sekarang amat berbeza dan sesetengahnya ada yang bertindak di luar batasan normal. Tambah penulis lagi, antara masalah pelajar lelaki di kolej ialah merokok, berambut panjang dan ponteng manakala pelajar perempuan lebih berkaitan emosi seperti mempunyai teman lelaki sehingga mengganggu proses pembelajaran. Masalah disiplin pelajar ini bukanlah masalah baru dalam dunia globalisasi dan moden hari ini.

Ahmad Tajudin (2010) menyatakan pada awalnya, PTV merupakan satu sistem pendidikan yang menyediakan latihan khusus untuk kemahiran- kemahiran teknikal agar lepasan PTV mempunyai pengetahuan, kemahiran asas dan juga mempersiapkan mereka untuk menjadi pekerja mahir pada suatu hari nanti. Namun pada masa kini, PTV bukan sahaja memberi penekanan terhadap aspek kemahiran dan pengetahuan teknikal, tetapi juga dalam melahirkan insan yang mempunyai sahsiah diri dan juga melahirkan pemimpin yang berkebolehan pada masa hadapan dalam pelbagai bidang.

Seterusnya menurut Anon (2011), dalam pembangunan sebuah negara maju, pendidikan berasaskan kemahiran perlulah memberi penekanan dalam melahirkan pelajar-pelajar yang mantap dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosialnya (JERIS). Dalam menuju ke arah negara maju, pembangunan pesat berlaku dalam pelbagai bidang dan setiap bidang memerlukan sepenuh perhatian. Jika para remaja tidak dibimbing untuk mempunyai persediaan yang kukuh dari segi aspek yang telah dinyatakan, sebuah masyarakat yang mengamalkan hidup mulia tidak mungkin tercapai. Apa yang lebih membimbangkan adalah rakyat akan lebih cenderung mengamalkan budaya hidup mementingkan diri serta mengutamakan pencapaian materialistik dengan mengabaikan nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti tolong-menolong, menghormati orang lain, bersifat belas kasihan serta simpati.

Walau bagaimana pesat sekali pun perkembangan pendidikan negara di peringkat tinggi, aspek pembangunan modal insan bersahsiah terpuji tetap menjadi agenda utama negara selaras dengan matlamat Wawasan 2020 yang ingin melahirkan warganegara yang maju dari segi pencapaian mahu pun peradaban unggul dalam kehidupan seharian. Pegangan serta prinsip hidup yang kukuh berlandaskan kepada

kepercayaan kepada Tuhan seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) perlulah dibangunkan melalui proses pendidikan itu sendiri.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam membincangkan berkenaan isu-isu PTV, kemahiran menjadi antara matlamat utama yang perlu dikuasai oleh para pelatih untuk menjamin masa hadapan mereka. Walau bagaimanapun, masalah disiplin remaja serta usaha untuk menanganinya juga harus menjadi agenda utama dalam menguruskan Pusat-pusat Kemahiran. Antara Pusat Kemahiran terkenal di Malaysia adalah Pusat Giat MARA di bawah kelolaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menjalankan pelbagai kursus untuk remaja lepasan sekolah khususnya.

Latar belakang pelatih yang memasuki Pusat-pusat Giat MARA di Malaysia sebahagian besarnya terdiri daripada golongan remaja lepasan sekolah menengah yang tidak dapat meneruskan pembelajaran di aliran akademik, yang belum pernah mendapat sebarang latihan kemahiran bagi tujuan mendapat pekerjaan serta yang berminat menceburi bidang keusahawanan berasaskan kemahiran. (Laman web rasmi Media Pendidikan, Kerjaya dan Informasi, 2011)

Pusat Giat MARA juga tidak terkecuali daripada menghadapi masalah disiplin dalam kalangan para pelatih. Antara contoh kajian berkenaan dengan isu-isu masalah disiplin pelatih Giat MARA telah dijalankan oleh Khadijah dan Rahim (2015), Roslee Ahmad dan Mohamed Sharif Mustaffa (2007) serta Mohd Hilmi (2012). Antara isu yang diketengahkan oleh penulis-penulis berkaitan adalah jenis-jenis masalah disiplin dalam kalangan pelatih serta tanggapan negatif masyarakat terhadap Pusat Giat MARA berkaitan masalah disiplin pelatih.

1.2.1 Kajian Rintis

Untuk memperkuatkan lagi tujuan kajian ini dilaksanakan berkaitan dengan isu kualiti daripada sudut memenuhi matlamat FPK dalam pendidikan berasaskan kemahiran yang telah dinyatakan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis di dua (2) buah Pusat Giat MARA yang menjalankan kursus-kursus berasaskan kemahiran. Kajian yang dijalankan adalah dalam bentuk sesi temubual antara penyelidik dengan empat (4) orang pengajar yang telah mempunyai pengalaman mengajar selama lebih daripada 10 tahun berserta pemerhatian secara langsung dalam salah satu sesi P & P pengajar. Penyelidik juga telah melihat rekod-rekod salah laku pelatih di Pusat Giat MARA tersebut. Jadual 1.2 menunjukkan wujudnya masalah disiplin pelatih di Pusat Giat MARA melalui sesi temubual bersama pengajar.

Jadual 1.2 Kajian Rintis:Sebahagian sesi temubual penyelidik dengan pengajar Pusat Giat MARA, Johor.

	Transkrip temubual	Analisa transkrip
Petikan 1	<i>"Hmm...biasalah..kalau di tangga-tangga, tandas semua penuh dengan contengan pelajar...sampai terpaksa dicat semula beberapa kali...Cakap berbuih-buih mulut pun mereka tak ambil endah pun...akhirnya malas nak cakap lagi</i>	Masalah <i>vandalisme</i> , pelatih tidak mempedulikan nasihat pengajar, pengajar buntu untuk mencari jalan penyelesaian
Petikan 2	<i>Baru-baru ni berlaku kes seludup dadah ke kolej, nasib baik dapat tangkap, budak ni pun dah hisap. Kami terpaksa panggil mak-bapak dia datang. Mak-bapak dia merayu-rayu supaya jangan buang anak dia dari kolej...walaupun kesian tapi pihak kolej terpaksa juga bertegas supaya pelajar-pelajar lain nampak serius kes ni.</i>	Masalah dadah dan pembuangan pelatih dari kolej

	Transkrip temubual	Analisa transkrip
Petikan 3	<i>Budak-budak ni kebanyakannya datang kelas cukuplah liat...datang pun lambat hampir sejam. Mengganggu kita tengah mengajar dan terpaksa ulang semula penerangan untuk kerja-kerja kemahiran. Lebih kurang 50 peratus berperangai macam tu...pening memang pening.. memang menaikkan darah kita.</i>	Masalah ponteng kelas dan P& P yang terganggu
Petikan 4	<i>Tentang nilai murni, pernah la dengar tapi tak pasti apa isinya... Bagi nasihat tu memanglah bagi tapi kadang-kadang kurang berkesan, pelajar buat tak endah je..nak hantar kerja atau tugas, ...selalu jugak saya terpaksa telefon berulang-ulang, kita yang lebih beria-ia nak dia lulus...tapi dia buat tak tau je. Geram memang la geram tapi nak buat macam mana..tu la dia jenis pelajar yang datang kat kita.</i>	Tiada pengetahuan tentang penerapan nilai murni dalam P & P, terpaksa menghubungi pelatih-pelatih setiap kali supaya menghantar tugas yang diberi
Petikan 5	<i>Kalau kes-kes yang serius, sampai susah nak nampak bayang dia kat kelas, saya terpaksa telefon mak-bapak dia. Ada yang datang ke kolej untuk berbincang...tapi susah jugak budak-budak ni nak berubah. Ada pulak mak-bapak tu tak kisah pasal masalah anak dia. Dia pun kalau boleh tak suka anak dia duduk dengan dia sebab suka bawak masalah..tu yang jadi lebih banyak masalah kat kita di sini.</i>	Pengajar mengamalkan sifat ambil berat, sabar, berfikiran terbuka apabila berhadapan dengan masalah keluarga

	Transkrip temubual	Analisa transkrip
Petikan 6	<i>Kalau kes-kes merokok tak payah cakap la...memang dah jadi amalan harian dia, merokok di belakang tandas, kadang-kadang terang-terang depan asrama. Cakap sekali dia berhenti tapi lepas tu buat lagi. Masalah ni dia orang memang dah bawak dari rumah lagi. Mak bapak pun susah nak tegur.</i>	Masalah merokok, masalah tidak mendengar arahan, punca masalah merokok adalah sebelum memasuki Pusat Giat MARA
Petikan 7	<i>Nak kata diberi kursus tentang kaedah mengajar nilai dalam kelas tu, setakat ni tak adalah. Nak nasihat pelajar pun berdasarkan pengalaman dalam hidup kita. Tu je...pengalaman dengan anak-anak sendiri yang dah remaja. Kalau ada kursus khas tu memang bagus sangatlah.</i>	Menangani masalah disiplin ikut pengalaman, memerlukan kursus berkenaan permasalahan remaja

Berdasarkan kepada sesi-sesi temubual yang telah dijalankan oleh penyelidik ke atas pengajar-pengajar berkaitan, jelas sekali masalah disiplin sememangnya wujud dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus-kursus kemahiran di Pusat Giat MARA. Keempat-empat pengajar menyatakan kesukaran mereka untuk mengatasi masalah disiplin pelajar tersebut seperti tidak mendengar arahan, merokok, dadah, ponteng kuliah dan bengkel, datang lambat ke Pusat Latihan sehingga mengganggu sesi P & P. Pengajar berpendapat sebahagian masalah adalah berpunca sejak dari rumah lagi iaitu sebelum mengikuti latihan di Pusat Giat MARA.

Semua pengajar menyatakan mereka perlu kepada satu kaedah yang berkesan untuk mengubah tingkah laku pelajar agar lebih bertanggungjawab dan berdisiplin ketika menjalani latihan. Keseluruhan pengajar juga kurang jelas dengan implementasi penerapan nilai murni dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) serta menyatakan tidak diberi pendedahan yang jelas bagaimana nilai-nilai tersebut perlu dilaksanakan dalam proses P & P.

Melalui pemerhatian secara langsung oleh penyelidik terhadap salah seorang pengajar dalam sesi P & P beliau, didapati beliau tidak mengaitkan isi kandungan

pengajaran dengan nilai murni terhadap pelajar. Layanan serta keprihatinan responden terhadap pelajar juga agak kurang dengan teknik pengawalan kelas yang lemah iaitu lebih menumpukan perhatian kepada pelajar-pelajar yang duduk di barisan hadapan sahaja. Semasa sesi P & P tersebut juga, pengajar kurang sensitif dengan tingkah laku pelatih seperti tidak peka dengan para pelatih yang tidak fokus semasa kuliah dijalankan terutamanya pelatih-pelatih yang duduk di bahagian belakang serta ada pelatih yang bermain telefon bimbit semasa kuliah.

Melalui semakan rekod salah laku serta disiplin, didapati beberapa kesalahan pelatih telah direkodkan dan diambil tindakan mengikut dendaan yang tercatat dalam Buku Peraturan Giat MARA. Antara masalah disiplin atau kesalahan yang pernah dilakukan oleh pelatih adalah merokok, bergaduh, mencuri, menghisap dadah serta kes ponteng yang serius.

Oleh itu jelas sekali, kajian ini amat penting dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah disiplin yang sebenarnya berlaku di Pusat-pusat Giat MARA. Ianya juga bertujuan untuk melihat permasalahan sebenar yang dihadapi oleh para pengajar institusi serta kaedah-kaedah atau tindakan yang dilaksanakan oleh mereka dalam membendung masalah disiplin dalam kalangan pelatih.

Isu masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah perlu diambil kira ketika para pelajar tersebut memasuki institusi pendidikan yang lebih tinggi khususnya di Pusat-pusat Giat MARA. Kemungkinan besar para pelajar tersebut akan meneruskan masalah disiplin yang mereka cetuskan di peringkat sekolah ke institusi pendidikan yang lebih tinggi.

1.3 Penyataan Masalah

Matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1984 (FPK) adalah untuk melahirkan modal insan yang berperibadi mulia di samping mempunyai pelbagai potensi untuk untuk membangunkan diri secara positif. Oleh kerana matlamat FPK adalah luas merentasi sebarang bentuk kurikulum pendidikan, maka kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti samada berlaku masalah disiplin serta krisis nilai dalam kalangan pelatih-pelatih yang sedang mengikuti kursus-kursus sijil kemahiran di Malaysia dalam pelbagai bidang.

Merujuk kepada *blue print* Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), pendidikan vokasional atau kemahiran ini menjadi antara institusi pembangunan modal insan menerusi penerapan nilai murni serta pembentukan peribadi mulia. Modal insan hasil daripada pendidikan vokasional ini akan membentuk pula masyarakat yang berkualiti kehidupan serta kerjayanya.

Sehubungan dengan itu, Norazri (2013) menyatakan di dalam pekeliling MARA bil, 17/2013, 16 Disember 2013, Falsafah Pendidikan MARA adalah satu usaha yang berterusan berteraskan ilmu, teknologi dan nilai keusahawanan untuk membangunkan insan holistik dan seimbang. Antara intipati penting falsafah tersebut adalah penekanan kepada nilai berpengetahuan, sifat amanah, sistem pendidikan yang bersepadu, holistik berteraskan kepada nilai-nilai murni, kebijaksanaan, keimanan serta pembangunan diri dan ummah yang seimbang untuk kebaikan dunia dan akhirat. Falsafah tersebut digunapakai untuk semua Institusi Pendidikan di bawah kelolaan MARA termasuklah Pusat-pusat Giat MARA.

Menurut Norazri (2013) lagi, Falsafah Pendidikan MARA juga memasukkan elemen Kemahiran Insaniah iaitu moral dan etika, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kreatif dan inovatif dan kemahiran keusahawanan. Falsafah Pendidikan MARA ini selaras dengan penyataan Othman (2010), yang menyatakan matlamat penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan PTV ialah untuk melahirkan insan yang berkemahiran serta memiliki akhlak yang mulia. Selain

daripada itu, FPK telah menekankan agar setiap kurikulum PTV yang diajar mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) di samping mengamalkan pendidikan itu secara berterusan. Ini sejajar dengan matlamat FPK yang menitikberatkan keseimbangan dalam pendidikan.

. Sehubungan dengan permasalahan yang dinyatakan serta kajian rintis yang telah dilaksanakan, maka tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah disiplin serta pendekatan yang sesuai dihasilkan bagi membantu menangani masalah disiplin para pelatih di Pusat Giat MARA, negeri Johor. Tujuan menangani masalah disiplin ini dianggap penting oleh penyelidik kerana ianya sejajar dengan intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang bersepadu dari segi pengamalan nilai-nilai yang baik di dalam kehidupan di samping mencapai pelbagai kejayaan melalui potensi insan.

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah disiplin serta pendekatan untuk menangani masalah tersebut dalam kalangan pelatih kursus-kursus sijil di Pusat-pusat Giat MARA terpilih di negeri Johor berdasarkan kepada data-data yang diperolehi di kawasan kajian. Seterusnya pendekatan ini diharap akan dapat dijadikan panduan berguna di dalam menangani masalah disiplin pelatih semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) secara formal dan juga informal yang dilaksanakan oleh para pengajar Pusat Giat MARA. Objektif kajian adalah:

- i. Menenal pasti jenis masalah disiplin, faktor penyebab serta kesan terhadap pencapaian dalam kalangan pelatih di peringkat pengajian sijil kemahiran di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor.
- ii. Menenal pasti masalah yang dihadapi pengajar serta strategi sedia ada yang dilaksanakan oleh pengajar untuk mengatasi masalah disiplin pelatih semasa

proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor.

- iii. Menghasilkan pendekatan yang sesuai untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan pelatih di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah jenis masalah disiplin yang sering berlaku dalam kalangan pelatih di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor?
- ii. Apakah faktor yang menyumbang kepada masalah disiplin dalam kalangan pelatih di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor?
- iii. Bagaimanakah impak masalah disiplin terhadap diri pelatih semasa mengikuti kursus Sijil Kemahiran di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor?
- iv.. Apakah masalah yang dihadapi oleh pengajar dalam menangani masalah disiplin pelatih di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor?
- v. Bagaimanakah kaedah sedia ada membantu para pengajar menangani masalah disiplin dalam kalangan pelatih di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor?
- vi. Apakah pendekatan yang sesuai diterapkan oleh tenaga pengajar untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan pelatih di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor?

1.6 Rasional Kajian

Kajian ini perlu dilaksanakan memandangkan masalah disiplin masih menjadi faktor utama yang menghalang kepada tercapainya matlamat murni pendidikan untuk melahirkan modal insan seperti yang terkandung dalam intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia (Tajul Ariffin, 2002). Di samping itu para cendekiawan Malaysia juga telah berusaha sedaya-upaya melaksanakan pelbagai kajian serta penyelidikan tentang isu-isu permasalahan di Pusat-pusat Latihan Kemahiran secara amnya untuk memperbaiki sebarang masalah yang boleh menjejaskan tercapainya modal insan yang memenuhi hasrat murni Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia.

Seterusnya penerapan nilai-nilai yang baik seperti nilai murni dan seumpamanya perlu diberikan keutamaan dalam proses P & P di Pusat-pusat Giat MARA khususnya agar pelaksanaan pendidikan negara mengikut intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan mampu merentasi semua kurikulum bidang ilmu yang pelbagai. Pendekatan yang berkesan dalam menangani masalah disiplin di Pusat-pusat Giat MARA khususnya perlu dipandang serius oleh pelbagai pihak yang bertanggungjawab secara langsung dan tidak langsung. Penerapan nilai murni adalah antara aspek yang amat penting dilaksanakan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran di semua Institusi Pendidikan Malaysia selaras dengan FPK agar mampu melahirkan warganegara dan masyarakat yang berakhlak mulia serta berperibadi tinggi.

Selanjutnya, apa yang membimbangkan adalah kajian-kajian berkenaan isu masalah disiplin di Pusat-pusat Giat MARA jelas menunjukkan permasalahan ini akan terus berlanjutan dan sukar dibendung jika langkah-langkah yang sewajarnya dalam “memenangi” hati pelajar tidak diambil berat. Seterusnya, faktor kurang kefahaman atau kurang menghayati kepentingan nilai murni serta tiada panduan yang jelas menjejaskan usaha penerapan nilai murni di dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi-institusi pendidikan negara .(Nik Zaharah, 2007)

Kajian ini perlu dilaksanakan kerana hasil dari kajian rintis, penyelidik mendapati masalah disiplin sememang wujud di Pusat Giat MARA khususnya dalam kursus-kursus berasaskan kemahiran hasil daripada kajian rintis terhadap pengajar di Pusat Giat MARA berkaitan. Amat wajar sekali kajian ini dilaksanakan memandangkan bidang kemahiran juga perlu menekankan agar pelatih-pelatih di peringkat pengajian sijil juga perlu dididik untuk mengamalkan nilai murni dalam kehidupan mereka. Bukan hanya setakat mahir dalam "hands-on" tetapi juga menyeimbangkan aspek kehidupan mulia dengan ilmu dan kemahiran yang dimiliki.

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini diharap akan memberikan manfaat dan sumbangan kepada pelbagai pihak khususnya yang menceburi dan meminati bidang PTV:

- i) Pusat-pusat Giat MARA khususnya di Johor dan Malaysia amnya, kolej-kolej/institusi-institusi awam dan swasta yang melaksanakan kursus-kursus berasaskan kemahiran. Modul dan model pengajaran boleh diperhalusi dengan memasukkan elemen-elemen nilai murni dan pembangunan akhlak sebagai panduan kepada pada pengajar.
- ii) Pengajar-pengajar kursus kemahiran peringkat sijil di Pusat-pusat Giat MARA khususnya dan kolej-kolej/institusi-institusi kemahiran awam dan swasta amnya. Ini kerana pengajar atau pendidik adalah agen menerapkan nilai murni dan elemen pembangunan akhlak mulia ke dalam diri pelatih serta menjadi contoh utama kepada pelajar daripada segi akhlak. Oleh itu kajian ini diharap dapat menjadi antara garis panduan berguna bagi menerapkan nilai murni dalam kalangan pelajar-pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

- iii) Pelatih kursus kemahiran peringkat sijil sekitar di pusat-pusat Giat MARA, Johor khususnya. Pelatih adalah golongan yang akan mendapat manfaat yang banyak hasil daripada pengajar-pengajar yang menerapkan nilai-nilai murni serta elemen pembangunan akhlak dalam proses P & P serta mampu mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan sebagai *role model* kepada pelatih.
- d) Menyumbang kepada kajian-kajian lanjutan serta pembangunan model-model pendidikan khusus untuk PTV berteraskan kepada intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Dalam Kerangka Konsep Kajian (Rajah 1.8), penyelidik menggunakan teori-teori, model dan pendekatan tertentu untuk membentuk satu perkaitan di antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Menurut Merriam (1998), suatu kerangka kajian boleh dibangunkan daripada teori-teori, model-model, konsep dari kajian-kajian terdahulu serta orientasi disiplin tertentu.

Di dalam kajian ini, penyelidik membentuk kerangka konsep kajian melalui gabungan model dan elemen berkaitan yang dapat membantu kajian ini dari awal sehingga ke peringkat analisis dan perbincangan kajian. Oleh kerana dalam kajian ini perkara utama adalah untuk mengenalpasti permasalahan disiplin pelatih yang berlaku di Pusat-pusat Giat MARA terpilih, maka beberapa Teori Penyimpangan telah digunakan dalam kajian ini untuk mengenalpasti punca pelatih bermasalah. Antara Teori Penyimpangan yang digunakan dalam kajian adalah Teori Dwi Taksonomi Moffitt, Teori *Anomie*, Teori Perbezaan Kesatuan Sutherland, Teori Psikogenis Freud dan Teori kawalan sosial. Teori Penyimpangan yang dipilih sebahagian besarnya adalah berkenaan dengan salah laku serta perbuatan negatif remaja yang boleh menjejaskan peribadi mulia seorang insan. Sehubungan dengan

itu, Teori-teori Penyimpangan dipilih untuk kajian ini kerana penyelidik lebih mengutamakan untuk mengkaji perlakuan-perlakuan negatif dalam kalangan pelatih kursus kemahiran yang telah mewujudkan masalah disiplin di Pusat-pusat Giat MARA, di negeri Johor. Penyelidik merasakan teori-teori yang disebutkan ini ada kepentingannya dalam mempengaruhi perlakuan pelajar dan perubahan yang pengajar inginkan ke atas pelatih-pelatih mereka. Teori-teori ini bukan sahaja boleh dijadikan panduan menganalisis punca masalah tetapi juga boleh dijadikan panduan untuk mencari pendekatan yang sesuai dalam membentuk para remaja ke arah yang lebih baik.


Seterusnya untuk melihat dari sudut para pengajar pula, penyelidik mengkaji secara terperinci pendekatan serta kaedah yang dilaksanakan oleh para pengajar Pusat Giat MARA dalam menangani masalah disiplin pelatih. Oleh itu penyelidik melihat beberapa aspek boleh dijadikan sebagai panduan atau dasar dalam mengenalpasti pendekatan dan kaedah para pengajar menangani masalah disiplin pelatih.

Antara panduan tersebut adalah Falsafah Pendidikan MARA sendiri yang mempunyai intipati membentuk insan yang holistik dan seimbang, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, aspek penerapan nilai-nilai murni kerana elemen nilai murni adalah antara elemen utama dalam intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang perlu diterapkan. Akhirnya, penyelidik memasukkan beberapa model Pendidikan Bersepadu yang sesuai digunakan kerana model-model tersebut mempunyai unsur-unsur penerapan nilai murni, pendidikan kerohanian serta aspek modal insan yang menyumbang kembali kepada kesejahteraan masyarakat.

Seterusnya penyelidik melihat samada nilai-nilai murni diterapkan oleh para pengajar kursus-kursus berasaskan kemahiran ini dengan mengambil kira beberapa aspek nilai murni yang ingin dilihat oleh penyelidik terhadap proses Pengajaran dan Pembelajaran pengajar-pengajar kursus-kursus di peringkat Sijil Kemahiran. Nilai murni dipilih kerana ianya juga adalah aspek utama dalam memenuhi intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mengkehendaki pelatih-pelatih yang akan dihasilkan adalah yang mampu membangunkan potensi diri secara menyeluruh dan holistik.

Selanjutnya penyelidik memilih beberapa model pendidikan yang telah dibangunkan oleh para cendiakiawan di Malaysia yang lebih bersifat menyeluruh dari segi penekanan kepada aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Model-model ini juga telah memberi penekanan kepada aspek nilai-nilai yang terkandung dalam intipati FPK. Antara Model Pendidikan Bersepadu yang dipilih adalah Model Nukleitik dan Taksonomi TRNOC (Terima, Respon, Nilai, Organisasi, Ciri), Model Edaran Semula (Tajul Ariffin) dan Model Konsep Sinergi (Tajul Ariffin).

Model-model Pendidikan Bersepadu ini sangat penting untuk dijadikan bahan rujukan kerana ianya boleh dijadikan panduan mengenalpasti aspek-aspek penting yang boleh diberi nilai tambah hasil daripada dapatan kajian ini.



Rajah 1.8 Kerangka Konsep Kajian

1.9 Skop Kajian

Skop utama kajian ini difokuskan kepada kaedah pengumpulan data dengan menggunakan instrumen temu bual mendalam, semakan dokumen salah laku pelatih serta pemerhatian secara langsung dalam sesi P & P di kelas teori dan amali pengajar-pengajar kursus kemahiran di peringkat sijil di Pusat Giat MARA, Zon Selatan, Johor. Skop penyelidikan juga tertumpu kepada mengenalpasti masalah disiplin pelatih Pusat Giat MARA, masalah yang dihadapi oleh para pengajar semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran serta strategi yang mereka laksanakan untuk menangani masalah disiplin dalam kalangan pelatih.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya dibataskan kepada lokasi di Zon Selatan, negeri Johor. Penyelidik hanya akan menjalankan kajian ke atas para pengajar dalam bidang Sijil Pendawaian Elektrik sahaja di Pusat Giat MARA yang terpilih di Zon Selatan, negeri Johor. Pengajar yang dipilih adalah yang telah mengajar lebih daripada sepuluh tahun agar data-data yang diperolehi kelak adalah setara daripada segi kursus serta latar belakang pengalaman pengajar.

1.11 Definisi Istilah

Berikut adalah beberapa konsep dan istilah yang akan digunakan untuk maksud kajian yang dijalankan serta bagi menepati tujuan kajian.

1.11.1 Pendekatan

Dalam konteks kajian ini, pendekatan dimaksudkan sebagai kaedah atau sesuatu yang dibangunkan hasil daripada dapatan kajian untuk mengenalpasti apakah cara yang paling sesuai diterapkan dalam menangani masalah disiplin pelatih Pusat Giat MARA, negeri Johor.

Menurut Sanjaya (2008), pendekatan dapat ditakrifkan sebagai titik tolak atau sudut pandang kita terhadap proses pembelajaran. Beliau menjelaskan, pendekatan yang berpusat pada guru adalah menurunkan strategi pembelajaran secara langsung (*direct instruction*), pembelajaran deduktif atau pembelajaran ekspositori. Sedangkan, pendekatan pembelajaran yang berpusat pada siswa menurunkan strategi pembelajaran penerokaan dan inkuiri serta strategi pembelajaran induktif.

Oleh itu secara amnya, pendekatan adalah suatu kaedah atau cara yang dipilih untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau perkara yang ingin dicapai khususnya dalam aspek proses P & P. Pendekatan adalah suatu penghasilan garis panduan yang mengandungi elemen kepercayaan, teori, cadangan dan tanggapan agar sesuatu yang diinginkan dapat dicapai.

1.11.2 Masalah disiplin

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 pula menjelaskan disiplin bermakna kesanggupan seseorang untuk melakukan sesuatu dengan tertib, menghormati hak orang lain, mengamalkan tingkah laku yang baik seta tidak mengganggu kepentingan orang lain. (Abdullah Sani, 2005). Ini bermakna masalah disiplin bermaksud suatu tindakan yang bertentangan dengan sifat-sifat atau tingkah laku yang baik serta diakui oleh masyarakat sebagai tingkah laku negatif dalam kehidupan seharian.

1.11.3 Pusat Giat MARA

Pusat Giat MARA adalah salah sebuah institusi pendidikan yang berada di bawah keloalan MAJlis Amanah Rakyat (MARA). menyediakan latihan kemahiran teknikal dan vokasional kepada belia-belia di luar bandar dan di dalam bandar bagi membolehkan para belia mendapat kemahiran sebagai persediaan menjadi tenaga kerja mahir dan usahawan teknikal bagi memenuhi keperluan industri dan keperluan kegiatan ekonomi serta keusahawanan di daerah setempat dan dalam Negara. (Laman Web Rasmi MARA, 2015)

1.11.4 Pengajar Kursus Kemahiran

Maksud seorang pengajar kemahiran dalam kajian ini adalah individu yang menjalankan proses P & P di dalam kelas-kelas serta bengkel kemahiran di Pusat-pusat Giat MARA, negeri Johor. Pengajar dalam kajian ini juga adalah individu yang mempunyai kemahiran serta kepakaran *hands-on* yang menyampaikan ilmu kemahiran dalam bentuk teori dan praktikal.

1.11.5 Pelatih Kursus Kemahiran

Pelatih ialah seseorang yang memperolehi kemahiran, sikap dan pengetahuan baru melalui pemhangan sumber manusia (Mohd Hilmi, 2012). Dalam konteks kajian, pelatih adalah golongan pelajar yang mengikuti kursus-kursus kemahiran di peringkat sijil di Pusat Giat MARA, negeri Johor.

1.11.6 Bengkel Elektrik

Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (2010), bengkel adalah sebuah bangunan yang mempunyai kawasan di mana mesin dan alat tangan ditempatkan untuk melakukan kerja termasuk kayu, mesin, logam dan sebagainya. Dalam kajian ini, bengkel yang dimaksudkan adalah bengkel elektrik yang menempatkan papan-papan elektrik untuk para pelatih melakukan amali semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P & P).

1.11.7 Kelas teori

Kelas teori bermaksud pengajaran secara formal di dalam kelas di mana pengajar kursus kemahiran menjelaskan secara lisan kandungan kursus kemahiran yang diceburi. Kelas-kelas teori ini adalah untuk memberi kefahaman berkenaan sesuatu teori dan kaedah sebelum pelatih Pusat Giat MARA menjalani sebarang latihan amali di bengkel-bengkel atau tempat latihan.

1.11.8 Kelas amali

Dalam konteks kajian ini, kelas amali adalah ruang-ruang yang digunakan oleh para pelatih di dalam bengkel-bengkel untuk melaksanakan latihan amali berkaitan dengan apa yang telah dipelajari di dalam kelas-kelas teori.

1.11.9 Nilai murni

Menurut Abdul Aziz et al (2016), nilai murni adalah bersifat sejagat di mana terdapatnya ciri-ciri serupa yang dikongsi secara global. Dalam konteks global, amalan nilai murni dikaitkan secara langsung dengan kesejahteraan dan kesihatan diri.

1.12 Rumusan

Bab 1 ini diharap dapat memberi gambaran menyeluruh serta terperinci berkenaan kepentingan kajian ini dilaksanakan berdasarkan penerangan dalam bahagian latar belakang kajian berkenaan isu masalah disiplin dalam kalangan pelatih agar ianya dapat difahami dan seterusnya dijadikan panduan asas untuk melaksanakan strategi dalam menanganinya. Bab 1 turut disokong oleh Kerangka Konsep Kajian bagi menerangkan keseluruhan konsep serta proses pelaksanaan kajian ini. Bagi memantapkan lagi kajian ini, Bab 2 seterusnya memperhalusi teori-teori yang dipilih, permasalahan kajian, isu-isu dalam pendidikan kemahiran serta model-model yang dipilih sebagai sandaran serta panduan kajian.

RUJUKAN

